



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
ARAS 8, BLOK C7, KOMPLEKS C  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62520 PUTRAJAYA.**



*Telefon : 03-8885 6000  
Fax : 03-8888 5039  
Web : <http://www.spa.gov.my>*

Rujukan Kami: SPA U (KT) 2936 jld.77( 4)  
Tarikh: \ \ September 2014

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, 6 dan 7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
**(u.p.: Mohammad Fauzi bin Ajam)**

Tuan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN PEMBANTU TADBIR RENDAH (JURUTAIP) GRED N11/N14 DAN OPERATOR MESIN PROSESAN DATA GRED F11/F14 KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan JPA.BK 334/13-17 jld.6(10), bertarikh 18 Ogos 2014 mengenai perkara di atas.


2. Sebagaimana yang tuan maklum, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah meluluskan pertukaran pelantikan melalui opsyen Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, N14 dan Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, F14 ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009 (PP 6/2009).
3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan mewakili kuasa kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia / Ketua Setiausaha Kementerian untuk menawarkan opsyen kepada pegawai dan juga untuk melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu.
4. Untuk makluman tuan, penarikan balik perwakilan kuasa untuk melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen jawatan-jawatan Kumpulan Sokongan II (Gred 1 hingga 16) di bawah Surat Cara Perwakilan Kuasa 1997 (P.U.(B)496/1997) yang berkuat kuasa mulai 1 April 2014 tidak melibatkan perwakilan kuasa yang telah diberikan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia / Ketua Setiausaha Kementerian untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai dan melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu mengikut syarat dan peraturan yang dinyatakan dalam PP 6/2009.

5. Sehubungan itu, pihak tuan boleh terus melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu berdasarkan perwakilan kuasa yang telah diberikan. Bersama-sama ini dikemukakan borang-borang opsyen yang berkenan untuk tindakan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”**

Saya yang menurut perintah,



**(IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)**  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia

☎ : 03-88856161  
☎ : 03-88885039  
✉ : ikhbal@spa.gov.my